

1984

KUALA LUMPUR, 5 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SEKALI LAGI MENYATAKAN KECEWANYA TERHADAP JEPUN YANG TERUS MENGAMALKAN DASAR MENUTUP PASARANNYA KEPADA BARANG-BARANG YANG DIHASILKAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN NEGARA TERSEBUT BAHAWA KEKAYAANNYA DEWASA INI ADALAH KERANA KEKAYAAN ASIA TENGGARA.

JEPUN TIDAK AKAN MENDAPAT FAEDAH DARI SEGI JANGKA PANJANG JIKA IA TERUS MENUTUP SALURAN PASARANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA MISKIN, KATA BELIAU KETIKA MEMBUKA KONVENSYEN TAHUNAN KETUJUH MAJECA-JAMEGA (PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN DAN PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA), DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERPAKSA MENJUAL BARANG-BARANG KELUARANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA NEGARA-NEGARA YANG MISKIN DAPAT MEMBELI LEBIH BANYAK BARANG DARI NEGARA-NEGARA KAYA.

' TINDAKAN MENUTUP PINTU KEPADA PIHAK LAIN MUNGKIN MENDATANGKAN FAEDAH JANGKA PENDEK TETAPI AKAN MERUGIKAN NEGARA BERKENAAN DARI SEGI JANGKA PANJANG,' KATANYA.

INILAH KALI KEDUA DALAM MASA KURANG SEMINGGU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGUR DASAR PERDAGANGAN JEPUN.

JUMAAT LALU KETIKA MERASNIKAN PAMERAN TEKNOLOGI JEPUN DI SINI, BELIAU BERKATA DASAR JEPUN ITU HANYA MENGUNTUNGGAN NEGARA-NEGARA KAYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA JIKA RANTAU INI MENJADI LEBIH KAYA, MAKA SEGITU JUGA JEPUN.

' KEKAYAAN PELANGGAN-PELANGGAN ANDA BERMAKNA KEKAYAAN ANDA SENDIRI, JADI JIKA ANDA MEMBERI LEBIH BANYAK BARANG DARI MEREKA, ANDA AKAN MENJADI LEBIH KAYA,' TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP JAMEGA DAPAT MEMPENGARUHI KERAJAAN JEPUN DAN AGENSI-AGENSINYA SUPAYA MEMENUNI HASRAT NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENDAPATKAN PELUANG LEBIH LUAS DALAM PASARAN JEPUN.

DI SAMPING ITU, KATANYA, MAJECA PULA HARUSLAH MELIPATGANDAKAN USAHANYA UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MENDAPATKAN LEBIH BANYAK SALURAN BAGI BARANG-BARANG TEMPATAN TERUTAMA YANG DIKILANG.

BELIAU BERKATA MAJECA JUGA HENDAKLAH SENTIASA MEMBERITAHU RAKANNYA MENGENAI KEHENDAK DAN KEPERLUAN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA KEDUA-DUA PERSATUAN ITU Mencari cara-cara baru untuk meningkatkan kerjasama yang sedia wujud antara mereka.

-- BERNAMA 1437/LK